

Dahulu 2 jam, sekarang 30 minit

KOSMO 30/12/2017 M/S 18

RAWANG - Rata-rata pengguna Jalan Pintas Rawang berterima kasih kepada kerajaan kerana membina laluan tersebut yang dapat menjimatkan masa, tenaga dan wang mereka.



RASHID

Jika sebelum ini mereka perlu menempuh perjalanan selama dua jam dari Serendah ke Selayang akibat kesesakan dan jarak, kini pengguna hanya perlu memandu selama 30 minit untuk ke lokasi tersebut.




ROSLI

Seorang pengguna, Rashid Ayub, 46, berkata, dia bersyukur kerana tidak perlu lagi menghabiskan masa di atas jalan untuk ke pekan Rawang pada waktu puncak dengan adanya jalan baharu tersebut.

"Setiap hari, saya menghabiskan masa selama dua jam ketika menggunakan jalan lama yang sesak teruk dengan kenderaan berat untuk ke pekan Rawang atau Selayang.

"Kini segala kesulitan itu dapat dikurangkan dengan pembukaan jalan ini dan ia banyak membantu penduduk



KENDERAAN mula melalui Jalan Pintas Rawang selepas ia dibuka secara rasmi semalam.

dan pengguna di kawasan Serendah dan Selayang untuk bergerak dengan lebih cepat," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Semalam *Kosmo!* melaporkan, Jalan Pintas Rawang merupakan sebuah jambatan tertinggi di Malaysia dengan ketinggian 58.2 meter dari aras tanah yang menelan belanja sebanyak RM628 juta. Ia dibuka secara rasminya kepada pengguna bermula pukul 6 pagi semalam.

Tinjauan *Kosmo!* di laluan itu mendapati ramai pengguna memberhentikan kenderaan di bahu jalan untuk mengambil gambar.

Sementara itu, seorang lagi penduduk di pekan Serendah,



KERATAN *Kosmo!* semalam.

Rosli Yusof, 32, berkata, laluan itu mampu menampung jumlah kenderaan yang banyak di samping melancarkan perjalanan dari Kuala Lumpur ke utara tanpa menempuh kesesakan di pekan Rawang.

"Jalan alternatif ini sangat berguna kepada pengguna kerana ia dapat mengurangkan tekanan ketika sesak," katanya.